



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**30 Ogos 2023
13 Safar 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Plankton jejas rezeki nelayan
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH	
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL		16	
							30/4/2023

Fenomena air pasang merah punca ikan mati di Teluk Bahang

Plankton jejas rezeki nelayan

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

TELUK BAHANG - Nelayan di daerah ini mendakwa mereka mengalami kerugian teruk apabila tidak boleh turun ke laut ekoran fenomena air pasang merah disebabkan kemunculan plankton sejak Sabtu lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Teluk Bahang, Johari Mohamad berkata, mereka langsung tidak dapat sebarang hasil sejak dua hari lalu kerana ikan tiada dan ada yang sudah mati.

Katanya, kebiasaannya, nelayan dapat menangkap pelbagai jenis ikan seperti kembung dan rengkerong sehingga 60 kilogram sehari yang membawa pendapatan RM200.

"Sejak Isnin nelayan sudah tak turun laut kerana fenomena ini, ia pernah berlaku pada April lalu tetapi tidaklah sampai menjejaskan tangkapan pada kedudukan dua kilometer dari pantai Teluk Bahang.

"Sebelum ini ikan sangkar saja mati tetapi kali ini ikan langsung tak masuk pukat dan ada yang ditemui terapung kerana sudah mati," katanya kepada *Kosmo!*

Menurut Johari, nelayan percaya ikan itu mati disebabkan kesan air pasang merah atau hidupan berhijrah ke lokasi lain kerana kemunculan plankton.

Bagaimanapun, tambahnya, keadaan itu semakin berkurangan sejak semalam kerana ke-
lebaran jalur merah itu sudah berkurangan daripada tiga kepada 1.5 meter.

"Fenomena ini memang jarang berlaku tetapi kali ini ikan di tepi batu pun langsung tiada. Kami



SEBAHAGIAN Ikan yang ditemui mati akibat plankton.

harap ia tidak berpanjangan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kajian Samudera dan Pantai Universiti Sains Malaysia, Prof. Datuk Dr. Aileen Tan berkata, kejadian berlaku disebabkan kemunculan sejenis plankton yang dikenali *Dinoflagellate*, *Noctiluca Scintillans*.

"Ia dijangka berlaku dalam tempoh lama kali ini kerana air mati di kawasan Teluk Bahang dan Teluk Aling.

"April lalu ia dikesan di Monkey Beach dan Teluk Aling tetapi ia berlaku sehari sahaja selepas dibawa arus ke tengah laut," katanya.



JALUR merah jelas kelihatan pada perairan Teluk Bahang dan Teluk Aling ekoran kemunculan plankton sejak Sabtu lalu.